

CATALYST

CENTRE FOR TEACHING AND LEARNING

Edisi 11/07 : JANUARI-MAG



ALUAN PENGARAH

Pertama kali ingin saya merakamkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP) Berjaya menghasilkan Catalyst edisi ke-2 ini.

Catalyst ini diterbitkan dengan tujuan menyebarkan maklumat mengenai perancangan dan aktiviti yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Pusat bagi tujuan menyokong serta memantapkan proses P & P di UTeM. Ianya juga diharapkan dapat menyediakan satu ruang kepada staf akademik, staf sokongan dan juga pelajar untuk menyalurkan maklumat, pandangan dan sumbangan fikiran bagi tujuan tersebut.

Pusat Pengajaran dan Pembelajaran memberikan tumpuan kepada beberapa fokus utama dalam usaha membantu Universiti mencapai kecemerlangan P & P. Antara fokus utamanya ialah membantu staf akademik mempertingkatkan penguasaan pengetahuan dan kemahiran berkaitan pelbagai strategi P & P dan seterusnya untuk membantu staf akademik menggunakan teknologi dalam P & P.

Usaha peningkatan dan penjaminan kualiti dalam P & P di UTeM memerlukan penglibatan dan komitmen pelbagai kumpulan warga Universiti. Pelbagai pihak mempunyai peranan dan tanggungjawab mereka untuk mencapai tujuan ini. Dalam konteks ini, Pusat Pengajaran dan Pembelajaran akan sentiasa berusaha membantu Universiti mencapai hasratnya untuk menjadi Universiti Teknikal yang terkenal, yang mana kejayaan ini pastinya bergantung di tangan warga Universiti khususnya staf akademik.



PM Dr. Zolkepli b. Buang

Misi PPP

Menjadi Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran yang berupaya melahirkan tenaga akademik yang professional dan berketerampilan melalui pembelajaran sepanjang hayat berasaskan pendidikan universiti teknikal berkualiti berorientasikan aplikasi dan amalan

Visi PPP

PPP berhasrat menjadi Pusat kecemerlangan yang unggul dalam mengendalikan program latihan berkualiti ke arah penambahbaikan kualiti P&P kepada tenaga akademik UTeM

Akhir sekali saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan padu dan semangat kerjasama yang tinggi yang ditunjukkan oleh pengurusan Universiti dan staf UTeM dalam menyertai dan menjayakan aktiviti yang dirancang. Ucapan terima kasih juga khusus saya tujukan kepada semua staf Pusat Pengajaran dan Pembelajaran di atas komitmen dan sokongan padu anda dalam menjayakan aktiviti yang dirancang. Dedikasi terhadap tugas dan usaha berterusan tanpa jemu yang ditunjukkan membolehkan kita mencapai kejayaan seperti mana yang diharapkan.

Sekian, terima kasih.

SIDANG PENGARANG



Penaung

: Y.Bhg. Datuk Prof. Ismail Hassan, Naib Canselor, UTeM

Penasihat

: Y.Bhg. Profesor Dr. Abu Abdullah
(Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa))

Pengarang

: Y.Bhg Datuk Hj. Mazlan Abdullah
Puan Muliati Hj. Sedek

Ketua Pengarang

: Y.Bhg Prof. Madya Dr. Zolkepli Buang
(Pengarang Pusat Pengajaran dan Pembelajaran)

Urus setia

: Puan Hanieza Tambi Ahmad
Puan Rina Arianty Hashim
En. Azmer Che Mohd Salleh
En. Abu Bakar Salam

ALUAN Naib Canselor UTeM

MISI DAN WAWASAN

**Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum w.b.t dan
salam sejahtera.**

Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengajaran dan Pembelajaran kerana memberi peluang kepada saya untuk memberi kata aluan dalam ruangan ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh warga kerja di Pusat Pengajaran dan Pembelajaran kerana telah bersungguh-sungguh menjayakan aktiviti dan latihan dalam bidang Pengajaran dan Pembelajaran kepada staf akademik seperti kursus, bengkel dan seminar sepanjang tahun 2006 yang lalu.

Tahun 2007 ini amat bersejarah kepada kita apabila nama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) telah di tukar dengan nama Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Dengan perubahan nama ini sudah tentu persepsi masyarakat kepada kita turut meningkat. Dengan itu kita perlu meningkatkan kualiti dalam bidang Pengajaran dan Pembelajaran kepada para pelajar.

Sememangnya selama ini kita tidak pernah mengambil mudah dalam soal kualiti dalam bidang akademik. Ini terbukti apabila kita mendapat persijilan ISO 9001:2000 dalam skop Pengajaran dan Pembelajaran pada february 2005 dan mengekalkan persijilan tersebut sehingga kini. Di samping itu kursus-kursus yang ditawarkan di sini juga mendapat pengiktirafan dan akreditasi daripada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Lembaga Jurutera Malaysia.

Sepertimana juga takrifan mengenai kualiti iaitu sesuatu yang tidak terhenti dan sentiasa dipertingkatkan, maka peningkatan dan penguasaan dalam aspek Pengajaran dan Pembelajaran juga perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa tanpa hentinya. Apatah lagi dengan penjenamaan yang diterima, UTeM kini dipandang lebih tinggi dan mempunyai ruang serta kesempatan yang lebih besar untuk melonjak dengan lebih tinggi supaya dapat dikenali dan disegani di peringkat antarabangsa.

Kita bersedia untuk menawarkan dua kursus baru pada pada tahun ini iaitu Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi Wayarles) dan Sarjana Muda Sains Komputer (Kepintaran Buatan) di samping sebuah fakulti baru yang turut akan ditubuhkan. Ini



menandakan bahawa bidang akademik kita berkembang dengan pesatnya. Sudah tentu semuanya ini memerlukan tenaga pengajar yang mahir dalam aspek Pengajaran dan Pembelajaran supaya lebih kompeten.

Saya menaruh kepercayaan bahawa Pusat Pengajaran dan Pembelajaran mampu menggalas tugas dan tanggungjawab bagi meningkatkan kewibawaan staf akademik sejajar dengan perkembangan pesat yang berlaku kepada universiti. Bagi merealisasikan misi untuk menjadikan UTeM sebagai universiti berkelas dunia maka marilah kita bersama-sama menggandakan usaha mencapai cita-cita tersebut.


Sekian, Terima kasih.



Proses pengajaran dan pembelajaran adalah merupakan satu proses yang panjang dan penting bagi sesebuah institusi pendidikan, bermula dari peringkat tadika hinggalah ke menara gading, bahkan boleh dianggap sebagai proses sepanjang hayat bagi setiap makhluk bergelar manusia. Bagi institusi pengajian tinggi seperti UTeM, jatuh bangun kualiti pendidikan banyak bergantung kepada proses ini dan bagaimana serta sejauh mana ianya dicerna serta diaplikasikan. Penanda arasnya boleh dilihat berdasarkan kepada pencapaian dan kejayaan pelajar setiap semester. Oleh itu, tidak hairanlah jika Pusat Pengajaran dan Pembelajaran senantiasa bergerak untuk mencari dan melaksanakan kursus-kursus untuk meningkatkan kualiti dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (P & P). PPP mempunyai peranan dan objektif yang amat jelas untuk dilaksanakan melalui Kalendar Aktiviti Latihan P&P yang dirancang sepanjang 2006 bermula Januari lalu. Adalah menjadi harapan PPP agar dapat berganding bahu dan sokongan daripada staf akademik sendiri dalam menjaya dan mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran untuk sama-sama merealisasikan visi UTeM – Menjadi Universiti Teknikal yang Kreatif dan Inovatif Terkemuka di Dunia.

Salam





Struktur Organisasi Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP)

"BERITA KURSUS 2006"

Tarikh : 4–5 Mac 2006
 Tempat : Puteri Resort, Ayer Keroh, Melaka
 Tajuk : Kursus Penasihat Akademik Pelajar Bagi Program Kejuruteraan.
 Penceramah : Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd. Nor b. Husain (Dekan Hal Ehwal Pelajar KUTKM)
 Y.Bhg. Prof. Hamid b. Hamidon (Dekan FKEKK)
 En. Wahi b. Nordin (Bahagian Pengurusan Akademik KUTKM)
 Y.Bhg. Prof. Madya Syed Mohamed Syafeq b. Syed Mansor (UTM)

3MAC

OBJEKTIF

Kursus Penasihat Akademik Pelajar bagi Program Kejuruteraan yang telah dilaksanakan bukan sahaja bertujuan membantu staf akademik menguasai pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakan tugas sebagai Penasihat Akademik yang berkesan tetapi juga mencapai objektif iaitu mendedahkan staf akademik kepada ilmu bimbingan dan kaunseling supaya dapat menjadi 'kaunselor' yang berkesan kepada pelajar. Dan menguasai pengetahuan dan kemahiran yang sesuai agar dapat membantu pelajar mencapai kecemerlangan akademik.



Tarikh : 12 -13 April 2006
 Tempat : Riviera Bay Resort, Melaka
 Tajuk : Kursus Pembinaan Soalan Berdasarkan Taksonomi Bloom
 Penceramah : Prof. Madya Dr. Shariff b. Omar (UiTM)

OBJEKTIF

Kursus ini mendedahkan pensyarah kepada penggunaan statistik asas dan mentakrifkan istilah-istilah statistik dalam menilai pretasi pelajar. Selain daripada itu juga, pensyarah akan memperolehi keterangan mengenai kaedah-kaedah penggredan dalam pembelajaran, ciri-ciri menggred pelajar dan seterusnya membuat laporan pretasi pelajar berdasarkan ciri-ciri tertentu. Kursus Pembinaan Soalan Berdasarkan Taksonomi Bloom ini, memberi peluang kepada pensyarah untuk lebih memahami langkah-langkah yang perlu di ambil dalam merancang ujian, cara membina Jadual Penentuan Ujian (JPU), menganalisis butiran, menerangkan aras-aras kemahiran kognitif mengikut Taksonomi Bloom dan menghuraikan Taksonomi Ebel. Secara keseluruhannya, kursus ini banyak membantu pensyarah dalam penyediaan ujian yang baik dan seterusnya dapat menghasilkan satu ujian yang efisien dan berkesan.



Tarikh : 15 – 19 Mei 2006 (sesi I)
 : 5 – 8 Jun 2006 (sesi II)
 Tempat : Corus Paradise Resort, Port Dickson
 : Royal Adelphi, Seremban
 Tajuk : Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran
 Penceramah : **Sesi I**

Y.Bhg. Prof. Dr. Abu B. Abdullah (Tim. Rektor KUTKM)
 PM Dr. Zolkepli B. Buang (Pengarah PPP, KUTKM)
 Prof. Dr. Suradi b. Salim (UM)
 Prof. Dr. Marizan b. Sulaiman (KUTKM)
 PM Dr. Mohd Zaki b. Kamsah (UTM)
 Dr. Baharin b. Abu (UTM)
 Dr. Jamalludin b. Hasan (UTM)
 Y.Bhg. Datuk Ptof. Madya Dr. Abu Bakar b.
 Mohammad Diah (Tim. Rektor KUTKM)

Sesi II

PM Dr. Hanipah bt. Husin (KUTKM)
 Prof. Abdul Hamid b. Hamidon (KUTKM)
 Y.Bhg. Dato' Dr. Mohd Mansor b. Abdullah
 PM Dr. Mohd Majid b. Konting (UPM)
 PM Dr. Othman b. Md. Johan (UTM)
 PM Dr. Khairiyah bt. Mohd Yusof (UTM)
 PM Syed Mohammed Shafeq b. Syed Mansor (UTM)

OBJEKTIF

Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran ini bertujuan menggalakkan perkembangan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang P&P. Selain itu dapat meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran dan produktiviti pensyarah serta menggalakkan proses penilaian sendiri dan refleksi. Kursus ini juga memberi pendedahan kepada pensyarah mengenai isu-isu yang berkaitan dengan pengajaran seperti ABL/EL, seminar, simulasi dan projek. Selain daripada itu, kursus ini juga memberi kefahaman yang jelas mengenai aspek-aspek pengajaran di IPT, seperti akauntibiliti akademik, reka bentuk kurikulum dan sebagainya. Secara keseluruhannya, Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran ini banyak membantu pensyarah, khususnya pensyarah baru dalam melatih mereka merancang, membina dan melaksanakan pelbagai bentuk pengujian, pengukuran dan penilaian dan seterusnya membimbing pensyarah melaksanakan amalan instruksional supaya dapat mempraktikkan ilmu dan kemahiran yang dipelajari.



5 MEI
8 JUN



Date : 3 – 5 July 2006
 Venue : Riviera Bay Resort, Melaka.
 Topic : **Workshop on TOT (Modul Project Oriented Problem Based Learning)**
 Speakers : En. Berhannuddin Bin Mohd Salleh
 Pn. Norhaslina Bt. Hashim
 Pn. Azra Munirah Bt. Md. Daud

CONTENT OF WORKSHOP

The three-day course was led by En. Berhannuddin with the help of his two experience staff, Pn. Norhaslina and Pn. Azra Munirah from KUittho. Initially, the discussion is about the power of PBL. This approach is quiet unique and can produce such an outstanding outcome. PBL focuses on holistic development of an individual, which enables lecturers to deliver content and simultaneously develops the students' learning skills. The best part about PBL is that students learn through problem solving process which encourages them to think creatively and critically. There are 7 stages involved:

- | | | | |
|----------------------------------|---------------------------|-------------------------------------|------------------------------------|
| 1. Group Setting | 3. Idea Generation | 5. Self-directed Learning | 7. Reflection and Feedback. |
| 2. Problem Identification | 4. Learning Issues | 6. Synthesis and Application | |

In a nutshell, PBL is a learning environment that helps to improve learning. It is a powerful approach as it encourages cooperation among students, active participation, creative and critical thinking and prompt feedback. Hence, the quality of students' produced should meet the university's expectations and mission.



KANDUNGAN KURSUS

Matlamat kursus ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan tambahan kepada staf akademik mengenai kepentingan penerapan Kemahiran Insaniah dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain daripada itu, kursus ini dilaksanakan untuk membina Soft Skills pelajar secara tersusun dan boleh diukur secara objektif dalam kerangka sistem pembelajaran di UTeM.

Program ini dirancang dengan matlamat seperti berikut:

- **Memberi pengetahuan asas KI (Soft Skills)**
- **Membangunkan kemahiran KI (Soft Skills)**
- **Menilai pencapaian pelajar**
- **Mengeluarkan sijil KI (Soft Skills)**

Peserta juga akan diberi penerangan secara khusus bermula dari pembinaan pengetahuan hinggalah kepada pembinaan sikap dan tingkah laku secara bersepadu dan saling berkait antara satu dengan lain. Diharapkan dengan terlaksananya kursus ini nanti peserta dapat sama-sama membantu pihak pentadbiran dan khususnya rakan-rakan dalam mengaplikasikan Kemahiran Insaniah ini di UTeM.



Date : 28 – 29 Julai 2006 (Siri I)
 : 1 – 22 November 2006 (Siri II)
 Venue : Hotel City Bayview & Dewan Juke Box, UTeM
 Topic : **Kursus Pendedahan Kemahiran Insaniah**
 Speakers : Dr. Haji Muhammad Nubli bin Abdul Wahab (UMP)
 Cik Haslinda Hashim (UMP)
 Puan Zarina Mohd Ali (UMP)

Tarikh : 19 Ogos 2006
 Tempat : Hotel Mahkota, Melaka
 Tajuk : Bengkel TOT – Modul OBE Bagi Mata Pelajaran
 Penceramah : Prof. Madya Dr. Wahid bin Razzaly (UTHM)

KANDUNGAN KURSUS

Pendidikan Berasaskan Hasil (Outcome-based Education) memberi pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Setiap program pengajian yang ditawarkan mengikut kaedah OBE memperlihatkan hasil pembelajaran yang akan dicapai atau dikuasai oleh pelajar setelah mengikuti sesuatu program pengajian. Sehubungan dengan ini kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh staf akademik haruslah bersifat kreatif dan inovatif bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Untuk mencapai matlamat ini, staf akademik perlu pendedahan lanjutan berkaitan dengan kaedah penyediaan OBE yang sesuai. Kursus ini sesuai untuk staf akademik yang telah mengikuti Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran.

OBJEKTIF

1. Memahami dengan lebih jelas mengenai falsafah, konsep dan objektif Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE).
2. Mengenal pasti secara khusus hubungkait antara objektif program, hasil program dan hasil pembelajaran, serta dapat melaksanakannya dalam p & p
3. Membangunkan hasil pembelajaran bagi sesuatu mata pelajaran yang selari dengan hasil program
4. Merancang dan melaksanakan kaedah pengajaran yang berkesan dengan menggunakan kaedah OBE
5. Merancang strategi pentaksiran yang sesuai dengan hasil pembelajaran dengan menggunakan kaedah OBE



Tarikh : 18 September 2006
 Tempat : Hotel City Bayview, Melaka
 Tajuk : Kursus Pendedahan Metodologi P & P Bagi Staf Akademik Baru
 Penceramah : Prof. Abdul Hamid bin Hamidon, UTeM
 Prof. Madya Dr. Zolkepli bin Buang, UTeM
 Prof. Madya Dr. Shahrin bin Sahib
 Prof. Madya Dr. Md. Radzai bin Said

9 SEP

OBJEKTIF

1. Meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran dan produktiviti pensyarah.
2. Memberi pendedahan dan kefahaman yang jelas kepada pensyarah mengenai isi-isu dan aspek-aspek penting yang berkaitan dengan teknik pengajaran dan pembelajaran yang dapat melahirkan graduan yang serba boleh.
3. Mendedahkan pelbagai strategi dan kemahiran mengajar yang berkesan untuk melahirkan pensyarah yang berketrampilan dan kompeten.
4. Sebagai input permulaan sebelum staf akademik berpeluang mengikuti Kursus
5. Asas Pengajaran dan Pembelajaran yang lebih intensif.





KANDUNGAN KURSUS

Antara halangan-halangan terhadap penulisan artikel adalah berpunca daripada kekurangan masa, sokongan dan pengetahuan mengenai sesuatu bidang. Justeru, bagi mengatasi halangan tersebut terdapat beberapa langkah yang boleh diketengahkan seperti 'mentoring', bengkel penyelidikan dan prosedur menulis artikel dilaksanakan.

Objektif bengkel ini dijalankan adalah untuk membantu dan membimbing peserta bengkel untuk menghasilkan penulisan artikel yang bermutu dan sesuai untuk diterbitkan dalam jurnal dan memberi pendedahan tentang garis panduan dan teknik penulisan artikel yang mantap dan berkesan. Selain itu juga, bengkel ini bertujuan untuk membimbing peserta menghasilkan penulisan artikel untuk dimuatkan dalam jurnal kejuruteraan yang bakal diterbitkan oleh UTeM serta membimbing peserta untuk menulis artikel dengan menggunakan bahasa yang betul dan bertenaga, khususnya dalam bahasa Inggeris.

Date : 21 – 22 Disember
 Venue : Hotel Royal Adelphi, Seremban
 Topic : **Bengkel Penulisan Artikel**
 Speakers : Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, UTeM
 Prof. Madya Dr. Shahrin bin Sahib, UTeM
 Prof. Dr. Salleh bin Yahya, UTeM
 Prof. Dr. Mohd Razali bin Muhamad, UTeM
 Dr. Hasbullah bin Abu Samah, MMU



JOKE

A Lecture About English

A linguistics professor was lecturing to his English class one day. "In English," he said, "A double negative forms a positive. In some languages, though, such as Russian, a double negative is still a negative. However, there is no language wherein a double positive can form a negative."

A voice from the back of the room piped up, "Yeah, right."

Tarikh	: 13 – 14 Februari 2007
Tempat	: Puteri Resort, Melaka
Topik	: Kursus Pendedahan Kemahiran Insaniah: Modul Kepimpinan
Penceramah	: Prof. Madya Dr. Zolkepli Bin Buang (UTeM) Prof. Madya Dr. Hanipah bt. Hussin (UTeM) Dr. Haji Abdullah bin Sani (UTHM) En. Asri bin Selamat (UTHM) Puan Muliati bt. Hj. Sedek (UTeM)

SINOPSIS

Bidang perindustrian memerlukan bakal pekerja yang mempunyai keterampilan dalam bidang teknikal dan personaliti yang baik lagi berdaya saing. Faktor kewibawaan graduan yang sering dipertikaikan adalah ketidakterampilan mereka dalam aspek kemahiran insaniah. Oleh yang demikian adalah menjadi tanggungjawab Universiti untuk melengkapkan bakal graduan dengan kemahiran tersebut. Kemahiran Insaniah adalah kemahiran keinsanan yang berhubung dengan pembangunan personaliti yang baik, profesional, integriti dan berupaya berinteraksi dengan berkesan ke arah penyediaan tenaga profesional yang menjadi agen pembentuk dan pembangun masyarakat. Oleh yang demikian, kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta kepentingan penerapan kemahiran Insaniah dalam pengajaran dan pembelajaran melalui modul kepimpinan. Bengkel ini dilaksanakan untuk membina kemahiran generik (soft skills) pelajar secara lebih tersusun dan boleh diukur secara objektif dalam kerangka sistem pembelajaran di Universiti.

OBJEKTIF

Menghayati secara mendalam mengenai falsafah, konsep dan keperluan penerapan kemahiran Insaniah dikalangan pelajar khususnya melalui modul kepimpinan



Tarikh	: 15 Februari 2007
Tempat	: Puteri Resort, Melaka
Topik	: Bengkel POPBL Bagi Program Kejuruteraan
Penceramah	: Dr. Berhanuddin bin Mohd Salleh

SINOPSIS

Bengkel ini adalah lanjutan daripada kursus POPBL yang telah dilaksanakan. Ia bertujuan untuk memberi input dan latihan tambahan kepada staf akademik yang telah menghadiri kursus sebelumnya. Problem-based Learning atau Pembelajaran Berasaskan Masalah merupakan satu kaedah pembelajaran yang menggunakan masalah dunia sebenar yang relevan dan bermakna sebagai fokus dalam proses pembelajaran. Ia dapat membantu pelajar meningkatkan kebolehan menyelesaikan masalah dan juga pemikiran analitik dan kritis

OBJEKTIF

1. Menguasai metodologi pengajaran POPBL secara cekap dan berkesan
2. Menguasai kemahiran menyelesaikan masalah dengan lebih cekap ketika proses pengajaran dan pembelajaran
3. Dapat membantu pelajar menguasai ilmu dan bahan pelajaran melalui kaedah POPBL



Tarikh : 20 Mac 2007
 Tempat : Hotel Mahkota, Melaka
 Topik : Kursus Pendedahan Pendidikan Teknikal Berteraskan Aplikasi dan Amalan (PAO)
 Penceramah : Prof. Hamid bin Hamidon, UTeM
 Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman, UTeM
 Prof. Madya Abdul Rani bin Othman, UTeM



SINOPSIS

Keperluan melahirkan tenaga mahir untuk memenuhi keperluan pasaran tenaga kerja negara memerlukan pelajar memiliki kemahiran dan pengetahuan teori dan amali secara serentak. Ditambah pula dengan pelbagai orientasi pembelajaran, maka staf akademik perlu memiliki pengetahuan, kemahiran dan menguasainya. Oleh itu kursus ini dianjurkan untuk memberikan pengetahuan dan pengalaman kepada staf akademik mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran berorientasikan aplikasi dan amalan sejajar dengan teras utama universiti.

OBJEKTIF

1. Mengenal pasti konsep dan strategi sebenar aplikasi dan amalan dalam pengajaran dan pembelajaran.
2. Memahami prinsip asas pengajaran dan pembelajaran berorientasikan aplikasi dan amalan.
3. Menentukan pendekatan yang sesuai untuk menerapkan konsep aplikasi dan amalan dalam pengajaran dan pembelajaran.



Tarikh : 9 – 10 April 2007
 Tempat : Hotel Legacy, Melaka
 Topik : Bengkel Penulisan Artikel dan Jurnal: Bagi Penerbitan Kejuruteraan
 Penceramah : Prof. Dr. Salleh bin Yahya, UTeM
 Prof. Madya Dr. Shahrin bin Sahib, UTeM
 Prof. Madya Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin, UTeM
 Prof. Dr. Azirah bt. Hashim, UM
 Encik Hasrom bin Haron, UKM



SINOPSIS

Penerbitan merupakan salah satu tugas staf akademik yang penting. Ramai staf akademik tidak mahir dari segi prosedur, etika dan ilmu menulis artikel untuk jurnal. Pendedahan yang jelas dan informatif berkaitan dengan kaedah dan metodologi penulisan artikel yang betul, menarik dan berkualiti untuk diterbitkan dalam jurnal amat penting supaya ramai staf akademik dapat menceburkan diri dalam penulisan jurnal.

OBJEKTIF

1. Membantu dan membimbing peserta bengkel untuk menghasilkan penulisan artikel yang bermutu dan sesuai untuk diterbitkan dalam jurnal
2. Memberi pendedahan garis panduan dan teknik penulisan artikel yang mantap dan berkesan
3. Membimbing peserta menghasilkan penulisan artikel untuk dimuatkan dalam jurnal kejuruteraan teknikal
4. Membimbing peserta untuk menulis artikel dengan menggunakan bahasa yang betul dan bertenaga, khususnya dalam bahasa Inggeris



Tarikh : 12 - 13 April 2007
Tempat : Hotel City Bayview, Melaka
Topik : Kursus Lanjutan Penilaian dan Pentaksiran Dalam Pengajaran dan Pembelajaran
Penceramah : Prof. Madya Dr. Othman bin Md. Johan, UTM

SINOPSIS

Taksiran dalam pembelajaran merupakan konsep penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Pentaksiran melibatkan proses pengujian, pengukuran, dan penilaian. Penguasaan pengetahuan dan kemahiran dalam pentaksiran perlu bagi staf akademik dalam proses pengajarannya. Sehubungan dengan ini, mereka perlu menguasai proses merancang, membina instrumen, mentadbir, menganalisis dan memanfaatkan hasil atau keputusan analisis. Kursus ini adalah perlu bagi staf akademik yang telah mengikuti Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran untuk menambahkan kecekapan dan keberkesanan dalam proses pentaksiran dalam P & P.

OBJEKTIF

1. Memahami dengan lebih jelas mengenai konsep, tujuan dan kaedah pengujian, pengukuran, penilaian dan pentaksiran dalam pembelajaran
2. Mereka bentuk dan membangunkan pelbagai jenis instrumen pentaksiran yang sesuai digunakan di IPT
3. Melaksana dan mentadbir pelbagai jenis pentaksiran dengan cekap dan berkesan
4. Menganalisis ke atas maklumat yang diperolehi dari pelbagai jenis pentaksiran



QUOTE

The good teacher explains. The superior teacher demonstrates. The great teacher inspires."

-William Arthur Ward

QUOTE

Only if you reach the boundary will the boundary recede before you. And if you don't, if you confine your efforts, the boundary will shrink to accommodate itself to your efforts. And you can only expand your capacities by working to the very limit.

-Hugh Nibley

Mengapa Kita Tidak Mengajar Dengan Kaedah Pelajar Belajar?

Saya dengar dan saya lupa,
Saya lihat dan saya ingat,
Saya buat dan saya faham.
Pepatah Cina

Antara salah satu kaedah pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran yang menimbulkan banyak minat di kalangan tenaga pengajar di IPT sejak kebelakangan ini adalah kaedah yang diistilahkan sebagai pembelajaran 'aktif' dan pembelajaran 'koperatif'.

Chickering dan Gamson telah mengumpulkan hasil penyelidikan dan kertas kerja berkaitan pendidikan peringkat siswazah selama puluhan tahun dan menghasilkan tujuh prinsip amalan baik dalam pendidikan siswazah. Antara prinsip yang mereka ketengahkan adalah:

Learning is not a spectator sport. Students do not learn much just sitting in classes listening to teachers, memorizing pre-packaged assignments and spitting out answers. They must talk about what they are learning, write about it, relate it to past experiences, and apply it to their daily lives. They must make what they learn part of themselves.

Walau bagaimanapun, masih ramai yang tidak memahami dan tidak mempercayai keberkesanan kaedah pedagogi ini. Kajian menunjukkan masih ramai pengajar di IPT menggunakan pendekatan syarahan sebagai satu-satunya kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam bilik-bilik kuliah. Antara punca-punca kritikan dan keengganan menggunakannya adalah kepercayaan bahawa pendekatan ini merupakan alternatif dan bukan kaedah yang dapat meningkatkan keberkesanan syarahan seseorang tenaga pengajar. Namun, untuk belajar secara berkesan pelajar harus melakukan lebih dari mendengar sahaja. (Lihat juga Rajah 1).

Dengan menggunakan kaedah pembelajaran aktif bukan bermakna pengajar tidak perlu lagi memberi syarahan kerana syarahan masih merupakan satu kaedah yang berkesan bagi menyampaikan maklumat. Isu yang ingin diketengahkan disini adalah dengan menggunakan kaedah syarahan semata-mata akan menimbulkan masalah bukan sahaja kepada pelajar tetapi juga pengajar. Terdapat banyak kajian yang membuktikan keberkesanan kaedah pembelajaran aktif seperti dinyatakan di bawah.


Felder et. al telah membandingkan hasil keputusan peperiksaan kumpulan kajian iaitu kumpulan yang menggunakan kaedah pembelajaran aktif dengan kumpulan yang menggunakan kaedah pengajaran tradisional. Kumpulan kajian mendapati mengatasi kumpulan yang diperbandingkan dalam banyak perkara seperti bilangan bergraduasi, tempoh graduasi, dan penguasaan dalam beberapa kemahiran generik. Kaedah pedagogi ini boleh digunakan dalam sebarang kurikulum kejuruteraan di IPT kerana saiz kelas yang besar digunakan dan tiada bilik kuliah khas diperlukan.

Analisis terhadap beberapa kajian keatas pendidikan siswazah dalam bidang sains, matematik, kejuruteraan dan teknologi (SMET) yang dilakukan oleh Springer et. al menunjukkan bahawa pelbagai bentuk pembelajaran dalam kumpulan kecil adalah berkesan bagi mempertingkatkan pencapaian akademik, sikap yang lebih positif terhadap pembelajaran dan meningkatkan kesungguhan dalam kursus dan program SMET. Analisis ini menyokong penggunaan secara meluas pembelajaran dalam kumpulan kecil dalam kursus-kursus SMET.

Ruhl et al. mencadangkan agar setiap sesi kuliah diselitkan dengan aktiviti pembelajaran aktif yang pendek agar proses pembelajaran lebih berkesan dapat berlaku. Dalam kajian mereka pengajar menghentikan syarahan mereka (12 hingga 18 minit) untuk selama dua minit sebanyak tiga kali dalam setiap kuliah. Ketika tempoh berhenti, pelajar secara berpasangan berbincang atau menyemak nota masing-masing dan tiada interaksi antara pengajar dan pelajar. Di akhir setiap kuliah pelajar diberikan tiga minit untuk menulis segala apa yang mereka ingati dari kuliah yang baru disampaikan.

Satu kumpulan kawalan juga diberikan kuliah menggunakan bahan yang sama tetapi dengan kaedah tradisional. Kumpulan kajian mendapati mendapat keputusan ujian yang lebih baik dengan magnitud perbezaan pencapaian antara kedua kumpulan agak besar. Mereka menyimpulkan, *if we talk six minutes less, students learn more.*

Diadaptasi daripada CTL Bulletin, UTM



Rajah 1. Kon Pembelajaran Edgar Dale



Apakah Pembelajaran Aktif?

Pembelajaran aktif merujuk kepada kaedah di mana pelajar MELAKUKAN sesuatu termasuk memproses, mengguna dan membuat refleksi terhadap maklumat yang diberi. Kaedah ini berasaskan kepada dua anggapan: (1) pembelajaran secara tabi'inya adalah satu kegiatan yang aktif dan (2) lain manusia belajar dengan kaedah yang berbeza. Elemen pembelajaran aktif termasuk bercakap, mendengar, menulis, membaca dan membuat refleksi [7]. Bonwell dan Eison [8] menyatakan antara ciri pembelajaran aktif adalah:

"Students are involved in more than listening, less emphasis is placed on transmitting information and more on developing students' skills, students are involved in higher-order thinking (analysis, synthesis, evaluation), students are engaged in activities (e.g., reading discussing, writing), and greater emphasis is placed on students' exploration of their own attitudes and values."

Menggunakan Kaedah Pembelajaran Aktif Dalam Bilik Kuliah

Penggunaan kaedah pembelajaran aktif boleh mendatangkan masalah kepada pengajaran dan pelajar yang tidak biasa dengan pendekatan ini. Pengajar akan menyerahkan sebahagian dari perjalanan kuliah kepada pelajar apabila beliau menjadi fasilitator sementara pelajar pula harus meningkatkan tanggungjawab bukan sahaja terhadap apa yang harus dipelajari tetapi bagaimana mereka harus belajar. Beberapa kaedah di bawah dapat membantu pelajar untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran.

1. Aktiviti Secara Individu

Kertas Seminit (Minute papers): memberi peluang untuk melihat perkembangan pelajar dari segi kefahaman atau reaksi terhadap bahan yang baru disampaikan. Berikan pelajar beberapa minit pada akhir kuliah untuk menjawab soalan ringkas dengan menulis pada sehelai kertas. Antara soalan yang boleh ditanya: ?Apakah perkara penting yang telah dipelajari hari ini? Apakah persoalan yang masih belum dijawab? Apakah tenaga pengaktifan dalam tindakbalas kimia? Apakah perbezaan antara proses kelompok dan proses berterusan?

Kuiz dari Pembacaan (Reading Quiz): ini adalah salah satu cara bagi menggalakkan pelajar membaca bahan yang telah ditugaskan. Pembelajaran aktif juga memerlukan pelajar datang ke kuliah bersedia. Kuiz dari pembacaan juga boleh digunakan untuk melihat pemahaman pelajar terhadap bahan yang dibaca.

Berhenti Seketika (Clarification Pauses): Ini adalah kaedah mudah yang memupuk ?pendengaran aktif'. Dalam kuliah terutama selepas memberi definisi konsep penting, biarkan ianya difahami oleh pelajar dan kemudian (selepas menunggu sebentar) tanya jika sesiapa memerlukan penerangan lanjut. Pengajar juga boleh bergerak dalam bilik kuliah ketika waktu ?berhenti' ini untuk menjawab soalan pelajar. Sebahagian pelajar mungkin malu untuk bertanya di hadapan semua rakan tetapi akan melakukannya apabila anda bergerak hampir kepada mereka.

Bertanya Soalan (Question and Answers): kaedah ini biasanya digunakan untuk melihat kefahaman pelajar terhadap bahan yang baru disampaikan. Namun terdapat beberapa kaedah yang boleh meningkatkan penglibatan dan sekaligus pemahaman pelajar. Bertanya soalan kepada seluruh pelajar dan mengharapkan seseorang akan memberikan jawapan biasanya hanya mengundang pengajar untuk memberikan jawapannya. Dalam ?Kaedah Socrates? pengajar akan memilih seorang pelajar dan memberikan soalan serta menunggu jawapan daripadanya. Jika sekiranya jawapan yang diberi kurang tepat pengajar akan memilih pelajar lain (dan lain) sehingga jawapan yang tepat didapati. Kaedah ini mendapat kritikan kerana ianya akan memalukan pelajar dan hanya menguntungkan segolongan kecil pelajar (pelajar yang diberikan soalan) dalam kuliah. Walau bagaimanapun kaedah ini dapat meningkatkan penglibatan pelajar dan boleh diubah suai dengan meminta pelajar lain untuk menyimpulkan apa yang telah dikatakan oleh pelajar pertama. Ramai pelajar kurang atau tidak mendengar apa yang diucapkan oleh rakan mereka dan menunggu untuk pengajar membetulkan atau mengulang jawapan tersebut. Dengan meminta pelajar menyimpulkan atau mengulang apa yang rakan mereka katakan akan memupuk sikap penglibatan secara aktif di kalangan semua pelajar dan menggalakkan pelajar menjadi pendengar yang baik sesama mereka.

2. Aktiviti Berpasangan

Fikir-Kongsi-Berpasangan (Think-Pair-Share): aktiviti mudah yang boleh digunakan dalam sebarang bentuk bilik kuliah. Aktiviti ini memberi peluang kepada pelajar memberikan pandangan, mendengar dari rakan lain, mengasah bakat berhujah dan lain-lain lagi tanpa menglibatkan pengurusan kerja berkumpulan (pembahagian ahli, masa diambil untuk pergi ke kumpulan masing-masing dll.). Kaedah ini memastikan setiap pelajar akan terlibat dan memerlukan setiap individu untuk memberi sumbangan. Antara aktiviti lain selain perbincangan adalah berkongsi/membandingkan nota dan menilai kerja/kuiz rakan.

3. Aktiviti Berkumpulan

Pembelajaran Koperatif/Pembelajaran Berasaskan Masalah (Cooperative Learning/Problem-based Learning): Bagi menyelesaikan permasalahan lebih kompleks yang memerlukan penglibatan ramai anggota, tiga atau lebih pelajar boleh diletakkan dalam satu kumpulan. Dalam kaedah ini pelajar akan saling membantu dalam pembelajaran. Secara umumnya, satu kumpulan yang heterogen (dari segi jantina, bangsa dan pencapaian akademik) adalah lebih baik terutama jika mereka harus bekerja untuk satu jangka masa panjang atau bagi menyelesaikan masalah yang kompleks. Namun kumpulan juga boleh dibuat secara spontan bagi menggalakkan perbincangan dan mengelakkan pelajar yang belum menguasai bahan atau permasalahan berasa malu untuk bertanya.

RUJUKAN

1. Chickering, A. and Z. Gamson, ?Seven Principles for Good Practice, ?AAHE Bulletin, 39:3-7, March 1987, ED 282 491, 6pp, MF-01; PC-01
2. Bonwell, C. and J. Eison, ?Active Learning: Creating Excitement in the Classroom, ?ASHE-ERIC Higher Education Report No. 1, 1991
3. Edgar Dale, Audio-Visual Methods in Teaching (3rd edition) Holt, Rinehart and Winston, 1969
4. Felder, R. M., G. N. Felder and E. J. Dietz, A Longitudinal Study of Engineering Student Performance and Retention. V. Comparisons with Traditionally-Taught Students, Journal of Engineering Education, October 1998
5. Springer, L. M. E. Stanne and S. Donovan, Effects of Small-Group Learning on Undergraduates in Science, Mathematics, Engineering and Technology, <http://www.wcer.wisc.edu/nise/cl1/CL/resource/R2.htm>, accessed 17 Feb 2005
6. Ruhl, K. L., Hughes, C. A., & Schloss, P. J. (1987, Winter). Using the pause procedure to enhance lecture recall. Teacher Education and Special Education, 10, 14-18.
7. Meyers, C. and T. Jones. 1993. Promoting Active Learning: Strategies for the College Classroom. San Francisco : Jossey-Bass
8. Bonwell, C.C. and J. A. Eison. 1991. Active Learning: Creating Excitement in the Classroom. (ASHE-ERIC Higher Education Report No. 1, 1991) Washington, D.C.: George Washington University Clearinghouse on Higher Education


A test is a yardstick a teacher/lecturer uses to measure the performance of a student. Some tests are given under examination conditions, with invigilators and special conditions. These are formal tests. Formal tests, however, are not the only kinds of tests. Continuous assessment goes all the time. When teachers/lecturers listen to students' opinions, when they mark their works, when they observe students working in group, teachers/lecturers are making judgements about performance. So, in this article I will mainly be concerned with formal testing but, whenever appropriate, comments will also be made on informal methods of testing as well.

Testing vs. Teaching

Tests serve many of the needs of teaching. Example, as we teach we need to monitor progress. Topic tests which assess how well students have mastered what has been taught serve this purpose. At different points in teaching, a teacher/lecturer has to find out specifically what areas pose difficulties for students. Diagnostic tests help them to do this. Teaching and testing are closely interrelated. But they do not have the same focus. Tests focus on assessing the products of learning. Meanwhile, teaching concentrates on enabling students to succeed in the process of learning. It tries to arrange the context of learning; the material, the methodology, the classroom- in such a way that the student has the best possible chance of learning what he is attempting to learn. Tests try to assess a student's previous learning; teaching prepares them for current and future learning. The primary function of teacher/lecturer is to ensure that learning takes place. Tests are one of the tools they use to help them do this job well. Any test is only a sample of what the student is supposed to know. A test picks out the most chief aspects of the skills that have been taught and uses performance on these as a way of he/she is being tested on. In this way, a test influences what is taught. This is called the backwash effect of a test. In theory, this is fine, but in practice, a test is not always the best guide. A test usually seeks the most economical way of finding out what the student already knows. It often, therefore, leaves out many things that are important when language is used for communication and includes many things that are not found in normal language use. The multiple-choice and cloze tests are good examples of this. Multiple-choice items, for example, gives options, when in real life, options are almost never given. It insists on only one answer being correct to reduce the effects of chance on test scores. In real life, often more than one interpretation of a reading text is possible. So, on the next article, I will discuss on the types of tests and their purposes. Happy Testing...

UP CLOSE & PERSONAL

Edward de Bono is regarded by many as the leading authority in the field of creative thinking, innovation and the direct teaching of thinking as a skill. He is equally renowned for his development of the Six Thinking Hats® technique and the Direct Attention Thinking Tools™ (D.A.T.T.™) framework.



EDWARD DE BONO

Edward de Bono is the originator of the concept - and formal tools - of Lateral Thinking, which is now a part of language enjoying an entry in the Oxford Dictionary.

His techniques and work focus on improving the elements that constitute a perception and the formal design and application of the frameworks required towards innovative and creative action. One may easily say that all the recent (past thirty years) focus on thinking, on creativity, on innovation, on frameworks beyond 'x-storming' etc has taken its lead from Edward de Bono's work.

His methods are now mandatory on the school curriculum in many countries and widely used in others. These countries include Australia, New Zealand, Canada, Argentina, U.K., Italy, United Arab Emirates, Ireland, Spain, Portugal, The Baltic States, Sweden, Denmark, Norway, Singapore, Malaysia, India, China, U.S.A., Russia. It is compulsory in all schools in Venezuela. In Malta there is a model show-case for the de Bono Thinking Tools within the national Education Department.

THE 5 STAGES OF THINKING

To

Indicates the aim, purpose or objective of the thinking. Where are we going to? With what do we want to end up?

Lo

Indicates the information available and the information we need. What is the situation? What do we know? Perceptions come in here as well.

Po

The stage of possibility. How do we create possible solutions and approaches. How do we do it? What is the solution? This is the generative stage.

So

Narrows down, checks out and chooses from amongst the possibilities. This is the stage of conclusion, decision and choice. This is the result stage.

Go

Indicates the 'action step'. What are you going to do about it? What next? What follows on from your thinking?

"Teach Yourself to Think," by Edward de Bono, ISBN 0140230777 Copyright © McQuaig Group Inc., 1995



Kemahiran Teknikal pelajar dan Kemahiran Soft Skills semakin dipandang penting hari ini. Pelajar yang mempunyai kemahiran dalam bidangnya akan bertambah cemerlang jika dia mempunyai kemahiran Soft Skills yang tinggi. Di antara elemen yang ditekankan di UMP adalah nilai-nilai positif dan kemahiran berkomunikasi. Kecerdasan Emosi dilihat sebagai satu pendorong kepada kecemerlangan sahsiah pelajar kerana Kecerdasan Emosi memberikan ruang kepada pelajar untuk mengenali sifat dan sikap mereka serta menyumbang kepada kestabilan berfikir secara objektif di dalam situasi yang memberi tekanan. Sebagai pelajar yang bakal menjadi graduan, mereka perlu mengenal diri sendiri sebagai langkah-langkah untuk menjadi pekerja yang baik. Elemen nilai-nilai positif di dalam pelaksanaan Soft Skills di UMP mengutamakan Kecerdasan Emosi agar para pelajar dapat mengenali diri mereka sendiri dan juga mudah menyesuaikan diri apabila mereka melangkah lebih jauh ke alam pekerjaan. Kecerdasan Emosi atau lebih dikenali dengan 'Emotional Intelligence' merujuk kepada memahami emosi sendiri (self awareness), memotivasikandiri (self motivation), mengendalikan hubungan silaturrahim dengan orang lain (managing relationship), empati (empathy) dan kebolehan mengendalikan emosi (mood management). Melalui pemahaman yang jitu terhadap Emotional Intelligence dan mengaplikasikan pengertian ini secara amalan di dalam kehidupan seharian, pelajar akan berjaya memartabatkan dirinya bukan sahaja di dalam bidangnya malah secara global di mata masyarakat.

SOFT SKILLS DI UMP

Program Soft Skills di UMP bukan hanya merupakan program aktiviti semata-mata malah ia dijadikan sebahagian daripada kurikulum dalam dua tahap. Bentuk aktiviti pula tidaklah hanya terbatas kepada di dalam bilik atau dewan kuliah seperti syarahan, tutorial, ceramah, bengkel, dan seminar tetapi juga meliputi aktiviti di luar seperti projek amal atau kemasyarakatan, perkhemahan, persatuan, kelab, badan beruniform dan sebagainya. Dengan kata lain, pelaksanaan program Soft Skills diintegrasikan dalam semua matapelajaran dan semua aktiviti pelajar.

KECERDASAN EMOSI (EMOTIONAL INTELLIGENCE)

Bar-On (2002) mendefinisikan model emotional intelligence (EI)nya sebagai satu keupayaan yang berkaitan emosi dan pengetahuan sosial yang mempengaruhi kemampuan seseorang untuk menghadapi cabaran persekitarannya dengan berkesan. Ia juga dikenali dengan model adaptasi. Model ini merangkumi:

1. *Kemampuan memahami diri sendiri dan menyuarakannya*
2. *Kemampuan menyedari, memahami dan menghubungkannya dengan orang lain*
3. *Kemampuan menghadapi tekanan emosi*
4. *Kemampuan menerima perubahan, menyelesaikan masalah yang berkaitan diri dan persekitaran sosial*

PERKAITAN KECERDASAN EMOSI DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

Sebagai seorang pelajar, amatlah penting mereka mampu mengembangkan Kecerdasan Emosi ini. Pelbagai faedah yang dapat dimanfaatkan dalam hubungan mereka dengan orang lain sehinggalah cara mereka mengendalikan perasaan sendiri. Elemen-elemen yang ditekankan dalam Kecerdasan Emosi ini adalah seperti berikut:

1. *Memahami emosi sendiri (SELF AWARENESS)*
2. *Memotivasikan diri (SELF MOTIVATION)*
3. *Mengendalikan hubungan silaturrahim dengan orang lain (MANAGING RELATIONSHIP)*
4. *Empati (EMPATHY)*
5. *Kebolehan mengendalikan emosi (MOOD MANAGEMENT)*

KESIMPULAN

Adalah diharapkan kemahiran menguasai EI dapat membantu pelajar akan lebih peka kepada kelemahan dan kekuatan diri masing-masing. Untuk membangunkan insan, para pelajar perlu diberikan ruang untuk mengenal potensi diri dan pendedahan mengenai kepentingan EI di alam pekerjaan akan dapat dijadikan sebagai panduan agar mereka lebih bersedia untuk menjadi jurutera yang berketrampilan. Program Soft Skills di UMP cuba membantu membangunkan sahsiah pelajar dan sekaligus sebagai pelengkap kepada pengetahuan teknikal serta pencapaian akademik mereka. EI berkeupayaan untuk membantu pelajar menjadi manusia yang lebih berguna bukan sahaja di alam pekerjaan malah sebagai elemen ke arah pembelajaran berterusan sepanjang hayat.

What is e-Learning

According to Turban et. al., "e-learning is the on-line delivery of information for purposes of education, training, or knowledge management". This is done by a Web-enabled system that allows people to access information and knowledge when they need it, anytime, anywhere. This means, e-learning system provides a useful environment in facilitating for both formal education and corporate training.

Two popular e-learning systems are WebCT (webct.com) and Blackboard (blackboard.com). Recently, the two systems have merged and all content are now accessible from Blackboard. These systems provide an environment where publishers, instructors, and teachers can place their book content, teaching notes, quizzes, and other materials. Using Blackboard Learning System, instructors can have their own sites and, be able to create learning content, create learning paths for students individually or by group, facilitate student participation, evaluate students' performance, and use top publishers content in e-learning.

Benefits of e-Learning

The following are some of the benefits of e-learning:

- enables learners to take charge of their learning
- save money,
- reduce travel time,
- increase access to experts
- enables self-paced learning,
- easy to maintain and update contents
- students are self-motivated, and
- provide fear-free environment.

What is Mobile Learning (m-Learning)

According to Wikipedia, m-learning originates from e-learning which in turn partially originates from d-learning. The quick growth of ICT creates new forms of education. The Wikipedia defines m-learning as "the delivery of training by means of mobile devices such as mobile phones, PDAs, digital audio players, digital cameras, voice recorders, pen scanners etc". In e-learning, students learn far away from the classroom, but, in m-learning students learn far away from a fixed point (e.g. classroom or computer).

Existing Systems

One example of m-learning systems is m-learning.org. The system is originated from a 3 year pan-European R&D programme, aimed at helping youths aged 16-24, who were considered most at risk of social exclusion in Europe. [17] The products and tools offered by the m-learning system are Java Games, Media Board, SMS Quizzes, SMS Quiz Author, Pocket PC Learning Resources, and myLearning Author for Pocket PC.

In Malaysia, LTT Global Communication (littcom.com) has partnered with Hot Lava Software (US) (hotlavasoftware.com) to introduce an m-learning system called Mobile Learning Author in 2004. Their products support mobile phones, PDAs, and Web-based. Content developers can develop learning resources using the Learning Mobile Author. The mobile phones products include SMS-ME-ENGLISH, Family Channel, Personal Development, Business & Marketing, and Law for Layman. The PDA-based products include Fortune 500 Courseware, CISCO Certified Courses, and MCSE Certified Courses. We can download the evaluation version (with limited features) of Learning Mobile Author for free and see how it works on our PDA or mobile phones (if it is supported). Otherwise, we can publish it as a Web-based product.

REFERENCES

1. Malaysia. <http://www.unescobkk.org/index.php?id=1385> (Access February 2007)
2. Wawasan 2020 – Wikipedia, the free encyclopedia. http://en.wikipedia.org/wiki/Wawasan_2020 (Access February 2007)
3. The Way Forward – Vision 2020. <http://www.wawasan2020.com/vision> (Access February 2007)
4. Chan, F.M. 2002. ICT in Malaysian Schools: Policy and Strategies, Education Technology Division, Ministry of Education, Malaysia.
5. Turban, E., King, D., Viehland, D., and Lee, J. (2006) Electronic Commerce 2006: A Managerial Perspective, U.S.A: Pearson Education.
6. Coorough, C., 2001. Multimedia and the Web: Creating digital excitement, U.S.A: Harcourt College Publishers.

TERIMA KASIH "DATUK"

Sejak bersara sebagai Timbalan Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan dari Kementerian Pelajaran Malaysia, Y.Bhg. Datuk Haji Mazlan bin Abdullah memang tidak jemu untuk terus berbakti dan mencurahkan jasa beliau. Anak kelahiran Melaka ini dikurniakan lapan cahaya mata, sejak mendirikan rumah tangga dengan Datin Azizah. Sejak persaraan beliau pada 2001, beliau pernah menjadi Pensyarah di Kolej Yayasan Melaka, Pengetua di Maahad Tahfiz Al-Quran, Jabatan Agama Islam Melaka dan juga pernah menjawat jawatan Timbalan Pengarah (Pendidikan) di Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM).

Kisah Y.Bhg. Datuk bermula dari tahun 1966, dimana beliau telah memperoleh sijil perguruan RTC (Pengkhususan: Bahasa Melayu dan Sejarah) dan disitu bermulanya langkah beliau sebagai guru biasa di salah sebuah sekolah menengah di Melaka. Setelah 10 tahun berkhidmat, beliau mengorak langkah ke Maktab Perguruan Perempuan Melayu, Melaka menjawat jawatan pensyarah.

Kerana dahagakan ilmu, beliau meneruskan pengajian dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia dan seterusnya Ijazah dalam bidang Sejarah di Universiti Malaya dan Sarjana Perancangan dan Pengurusan Pendidikan di Universiti Putra Malaysia.

Berbekalkan kelulusan dan pengalaman yang ada Y.Bhg. Datuk telah diberi kepercayaan untuk menyandang jawatan sebagai pengetua sekolah menengah di Melaka dan juga di Negeri Sembilan hampir 20 tahun. Selepas itu beliau berpindah ke bahagian Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan di Jabatan Pelajaran Melaka dan seterusnya ke bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bagi kami di PPP, Y.Bhg. Datuk Mazlan ialah insan yang amat kami hormati dan segani. Beliau seorang yang mudah didekati dan murah dengan senyuman. Jasa serta khidmat yang diberikan selama ini amat dihargai dan tidak dapat diungkapkan bagi membuktikan rasa terima kasih kami semua kepada beliau. . Biarpun beliau akan menamatkan perkhidmatan tetapi semangat serta nasihat akan kami ingati.

Kami sedar, kejayaan PPP mungkin tidak akan dicapai tanpa sokongan dan bantuan dari Y.Bhg. Datuk. Adalah menjadi tanggungjawab kami semua untuk mempertahankan malah meningkatkan pretasi kejayaan ini. Kami yakin, jika niat adalah ikhlas dan murni, kami dapat menguruskan kejayaan ini dengan membawa ke tahap yang lebih cemerlang.

IZINKAN SAYA BEREDAR PERGI,
MEMBERI RUANG PADA YANG MUDA,
MELUPAI SEMUA TIDAK SEKALI,
TERUS BERJUANG WALAUPUN BERSARA.



**Y.Bhg. Datuk Haji
Mazlan bin Abdullah**



Akhir kata, kami disini memohon kepada Yang Maha Esa untuk kesejahteraan Y.Bhg. Datuk dan seluruh isi keluarga beliau dan terima kasih atas segala jasa dan khidmat yang telah diberikan selama ini. Jasamu tidak dapat kami balas tetapi akan sentiasa kami kenang. Terima kasih Datuk.

Pengumuman

Kepada pensyarah dan tenaga akademik yang ingin memberi sumbangan idea/karya, artikel yang bersesuaian dengan Pengajaran & Pembelajaran (P&P) dan reflektif pastinya ruangan ini memberikan sedikit kelebihan untuk dikongsi bersama. Emailkan ke : muliati@utem.edu.my

**Pusat Pengajaran dan Pembelajaran
(Centre for Teaching and Learning)
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Karung Berkunci 1200
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 Melaka**

**Tel: + 606-2333137 Faks: + 606-2333140
Website: www.utem.edu.my/ppp/**